

Headline	SAPURA TEKAD ELAK TERCICIR MATA		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	119 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,122		



SAPURA TEKAD ELAK TERCICIR MATA

KUALA LUMPUR 15 Sept. -

Sapura yang berhasrat merangkul kejuaraan Liga Premier, Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL) tidak boleh melakukan sebarang kesilapan apabila menentang Pasukan Hoki Terengganu (THT) di Stadium Hoki Batu Buruk esok.

Dengan aksi musim ini berbaki dua perlawanan, Sapura yang merupakan pendahulu saingan hanya dipisahkan satu mata dengan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) di anak tangga kedua liga.

Bagaimanapun, KLHC juga dilihat berpeluang untuk merangkul kejuaraan musim ini kerana bakal berdepan lawan mudah dalam dua perlawanan terakhir termasuk menentang Tenaga Nasional Berhad esok dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), hujung minggu ini.

Keputusan pertemuan menentang THT akan menentukan nasib Sapura dan jurulatih mereka Yahya Atan berharap pasukannya akan menampilkan aksi cemerlang.

"Kami memerlukan tiga mata ketika menentang THT untuk mencerahkan laluan dan pada masa sama tidak boleh kehilangan mata ketika menentang Maybank Ahad ini terutama jika KLHC menang kesemua baki dua perlawanan terakhir.

"Pemain perlu fokus dan kekal yakin sepanjang perlawanan atau segala impian kami akan musnah.

"Kami juga tidak boleh memberikan pukulan sudut penalti kepada pihak lawan kerana flicker dari Korea Selatan yang beraksi bersama THT, Jang Jonghyun merupakan pemain yang sangat hebat. Kami perlu mengawal pergerakannya sepanjang permainan," kata Yahya.

Sementara itu, pengendali KLHC, Muhammad Harun Al-Rahid Samri mengingatkan anak buahnya agar sentiasa berhati-hati terutama dalam dua perlawanan terakhir menentang TNB dan UniKL untuk mengelakkan mereka tercicir mata.